

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI GEJALA LEPAK

Azizi Yahaya & Goh Lui Nam

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi gejala lepak di kalangan remaja. Terdapat dua faktor yang dibincangkan dalam artikel ini iaitu sekolah dan rakan. Peranan sekolah dan peranan rakan yang boleh mempengaruhi dan mengurangkan gejala lepak telah di terangkan dalam artikel ini.

Katakunci : gejala lepak, peranan sekolah, peranan rakan.

Pengenalan

Para pelajar sekolah menengah yang dikaji adalah terdiri di dalam lingkungan umur remaja yang mana peringkat remaja merupakan peringkat yang kompleks dalam perkembangan manusia. Kebanyakan ahli psikologi atau sosiologi menjelaskan peringkat remaja adalah di lingkungan umur antara 12 hingga 18 tahun. Golongan ini akan mengalami era perubahan yang besar dalam kehidupan mereka. Pada tempoh remaja, mereka mula mengubah tingkah laku, sikap dan nilai, malahan seluruh cara hidup daripada alam kanak-kanak kepada alam yang lebih matang dan dewasa (Bettleheim, 1950).

Peranan Sekolah

Kagan (1971), berpendapat bahawa peranan sekolah adalah membantu perkembangan kemahiran berbentuk intelektual. Remaja menghabiskan separuh masa setiap hari di sekolah. Secara langsung, remaja mempunyai lebih banyak masa bersama rakan mereka.

Guru perlu memastikan remaja sering megikuti budaya yang baik seperti budaya membaca. Sementara itu, guru juga perlu memastikan pelajar menjauhi budaya yang tidak baik seperti budaya melepak. Guru perlu memberi perhatian kepada pelajar yang sering ponteng sekolah. Ini kerana pelajar yang ponteng cenderung melepak di tempat lain. Azizi dan Jaafar (2005), guru memainkan peranan memberi peneguhan positif seperti pujian atau hadiah semasa membimbing remaja bertingkah laku baik.

Guru juga perlu memikirkan cara pengajaran yang berkesan dan menarik minat remaja agar mereka tidak ponteng semata-mata untuk melepak di tempat lain. Selain proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, pihak sekolah sepatutnya perlu menganjurkan bermacam-macam aktiviti ko-kurikulum yang disukai oleh remaja. Tidak kira aktiviti itu berada di dalam

atau di luar jadual sekolah dengan harapan remaja boleh mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah dan menghindari perlakuan melepak.

Jadi guru kauseling mempunyai tanggungjawab yang berat dalam usaha membantu pelajar mencari jalan untuk mengawal perlakuan melepak remaja. Guru harus sentiasa memotivasiikan pelajar supaya mengisi masa lapang dengan baik. Tetapi bukan mengecewakan pelajar. Jika tidak sengaja mengecewakan remaja, maka akan timbul ransangan negatif daripadanya. Jadi, seseorang guru perlu cekap mengambil tahu hati dan gerak-geri remaja supaya lebih senang mendekatinya. Apabila sudah wujub hubungan yang baik di antara guru dan pelajar, maka lebih mudah bagi pelajar untuk menerima komen guru.

Guru perlu menjalin hubungan mesra di antara guru dan murid. Semasa mengajar, guru perlu menwujudkan hubungan dua hala dengan menggunakan kaedah soal jawab selaras dengan sikap kanak-kanak yang suka bertanya dan ingin tahu. Guru juga perlu tahu menyelesaikan masalah psikologi yang dihadapi oleh murid.

Pihak sekolah perlu mementingkan mata pelajaran Agama Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivil. Hanya melalui pendidikan berunsurkan keagamaan dan nilai murni, barulah dapat membentuk remaja yang seimbang. Ini selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang menekankan unsur menjana modal insan.

Peranan Rakan

Zaman remaja sering ditempuhi pelbagai cabaran dan konflik dengan ibu bapa. Ini disebabkan remaja sering menerima nilai dan pendangan rakannya. Sedangkan nilai dan pandangan rakannya adalah bertentangan dengan pandangan ibu bapa. Jika remaja menolak nilai dan pandangan rakan, remaja tidak akan diterima dan disingkirkan oleh rakannya.

Freud (1985), menyatakan bahawa masa bagi remaja bergaul hasil orientasi terhadap penghidupan mereka. Peringkat ini dipanggil peringkat perhubungan rakan-rakan sebaya. Norma-norma perangai rakan diperhatikan oleh remaja lain. Remaja yang mengakumi norma hidup yang ditujukan adalah mudah mengikuti perlakuan melepak. Peringkat remaja yang bersihat ingin tahu dan ingin mencuba sering melepak di bandar untuk mencontohi aksi dan perlakuan remaja yang disegani.

Havighurst dan Neugarten (dalam Manja, 1990), menyatakan kelompok sebaya adalah sekelompok yang khusus dan berinteraksi seperti satu organisasi keluarga. Kelompok ini biasanya mempunyai dunia tersendiri dengan norma-norma tertentu.

Pendapat ini disokong oleh Maslow (dalam Hazil, 1990), remaja yang menyertai satu kumpulan akan menpunyai perasaan kekitaan di dalam kumpulan. Mereka lebih saling bergantung kepada rakannya.

Rujukan

- Bettleheim, B. (1950). *Love is Not Enough*. New York: Free Press.
- Kagan, J. (1971). *Personality Development*. U.S. : Harcourt Jovanovich Inc.
- Azizi Yahya dan Jaafar Sidek Latif (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Cetakan pertama. Pahang : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Freud, A. (1985). *Adolescence in Psychoanalytic Study of The Child*. New Haven: Yale University Press. Vol. 13,255-278.
- Manja Mohd Ludin (1990). *Psikologi Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hazil Abdul Hamid (1990). *Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.